

# WARKAH SULTAN IBRAHIM 1785-1794: CERMINAN POLITIK DAN EKONOMI SELANGOR PADA Hujung ABAD KE-18

*(Letters from Sultan Ibrahim 1785-1794: Selangor Political and Economic Reflections at the End of 18<sup>th</sup> Century)*

Abd ur-Rahman Mohamed Amin  
urrahman\_amin@utp.edu.my

Jabatan Pengurusan dan Kemanusiaan,  
Universiti Teknologi PETRONAS, Perak.

Terbit dalam talian (*published online*): 4 Julai 2019

Sila rujuk: Abd ur-Rahman Mohamed Amin. (2019). Warkah Sultan Ibrahim 1785-1794: Cerminan politik dan ekonomi Selangor pada hujung abad ke-18. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2), 181-205.

## Abstrak

Artikel ini menganalisis kandungan 47 pucuk warkah yang dikirimkan oleh Sultan Selangor, iaitu Sultan Ibrahim sekitar penghujung abad ke-18 yang tersimpan dalam koleksi "Surat-surat Francis Light" (*the Light Letters*) dengan nombor rujukan MS 40320. Kesemua warkah ini merupakan manuskrip bertulisan Jawi yang tersimpan di bahagian Arkib Perpustakaan *School of Oriental and African Studies, University of London*. Warkah Sultan Ibrahim ini telah dikumpulkan daripada koleksi "Surat-surat Francis Light" dan diatur semula susunannya mengikut tarikh yang tercatat pada warkah. Warkah ini sebahagian besarnya memaparkan hubungan antara Sultan Selangor, iaitu Sultan Ibrahim dengan Francis Light. Penganalisan warkah termasuklah cap mohor, isi kandungan dan penutup warkah. Kandungan warkah menyentuh aspek politik, ekonomi, persenjataan dan urusan menunaikan fardu haji. Warkah ini merupakan rujukan bertulis yang penting bagi sejarah negeri Selangor kerana kandungannya yang memaparkan suasana politik, ekonomi dan sosial yang berlaku di Selangor pada zaman pemerintahan Sultan Ibrahim berdasarkan sumber daripada baginda sendiri.

Kata kunci: Surat-surat Francis Light, Selangor, Sultan Ibrahim, cap mohor

### **Abstract**

*This paper analyzes the content of 47 letters sent by the Sultan of Selangor, Sultan Ibrahim, at the end of the 18th century, which form a part of ‘The Light Letters’ collection, with the reference number MS 40320. These Jawi-written manuscripts are preserved in the Archive and Special Collections of the School of Oriental and African Studies Library at the University of London. The letters from Sultan Ibrahim were retrieved from the collection of ‘The Light Letters’ and reorganized according to the dates listed in these letters, beginning from 1785. These letters largely display the relationship between Sultan Ibrahim and Francis Light. The analysis included the seals of the sultan, content and closing statements. The content of the letters covers politics, the economy, weaponry and the hajj pilgrimage. In summary, these letters are important as a primary reference for studying the history of Selangor at the end of 18th century because of their content that shows the political and economic situations in Selangor, based on the writings by the sultan himself.*

*Keywords: The Light Letters, Selangor, Sultan Ibrahim, Malay Seals*

## **PENDAHULUAN**

Koleksi warkah Francis Light ataupun “*the Light Letters*” merupakan koleksi yang menyimpan warkah dan dokumen kiriman para pembesar dan orang perseorangan kepada Francis Light semasa beliau berada di Alam Melayu sehinggalah beliau meninggal dunia pada tahun 1794 di Pulau Pinang. Koleksi manuskrip bertulisan Jawi ini masih tersimpan dan dijaga dengan baik di Bahagian Arkib dan Koleksi Istimewa, Perpustakaan *School of Oriental and African Studies, University of London* dengan menggunakan nombor rujukan MS 40320.<sup>1</sup> Koleksi ini mengandungi lebih daripada 1200 pucuk warkah yang dibahagikan kepada 11 jilid dan terdapat pelbagai jenis dokumen yang meliputi warkah peribadi, surat titah, surat perjanjian, surat cit, laporan kes jenayah, laporan bancian penduduk, bil jualan, draf surat dan salinan surat kiriman.

Keseluruhan warkah dalam koleksi ini telah dikumpulkan semenjak Francis Light belum lagi dilantik menjadi superintenden di Pulau Pinang di bawah penguasaan Kompeni Inggeris. Sebelum koleksi warkah ini dipindahkan ke Perpustakaan *School of Oriental and African Studies* pada tahun 1916, koleksi ini telah disimpan di *King’s College London* sebagai sebahagian kecil daripada seluruh koleksi manuskrip yang dimiliki oleh William Marsden (Kratz, 1987). Marsden merupakan seorang pengumpul dan pengkaji manuskrip Melayu dan pernah menghasilkan kamus bahasa Melayu (Marsden, 1812a) dan buku tata bahasa Melayu (Marsden, 1812b). Pada penghujung usianya, beliau sendiri telah mewasiatkan dan

memilih *King's College London* sebagai tempat untuk dihadihkan segala koleksi manuskrip peribadi beliau agar dapat dimanfaatkan oleh ahli akademik (Marsden, 1838).<sup>2</sup>

Dalam beberapa kajian berkaitan koleksi “Surat-surat Francis Light”, koleksi ini telah dikaji dan diterbitkan sebahagian transliterasinya oleh Marsden sejak tahun 1812 lagi dalam bukunya berkaitan tatabahasa Bahasa Melayu (Marsden, 1812b). Selepas itu, warkah ini tersimpan sehinggalah kemudiannya dikaji oleh Andaya (1978) berkenaan Saudagar Raja dari Kedah dan Terengganu dan juga kajian oleh Jones (1981) terhadap kandungan dua pucuk warkah yang dikirim oleh Sultan Muhamad Jiwa kepada Francis Light. Kajian oleh Ahmad Jelani (2006) pula terhad kepada surat-surat cit dan surat-surat perdagangan sementara Abdul Razak (1996) telah mengkaji aspek kosa kata bagi 11 pucuk warkah yang terpilih daripada koleksi ini. Kratz (2006) pula telah memilih enam pucuk warkah yang dihantar kepada John Marsden oleh Cik Lena di Bengkulu, Sumatera sebagai bahan kajian beliau. Selain itu, ketika memberikan analisis berkaitan amalan perundangan adat Melayu, Jelani (2008) telah memperkenalkan satu dokumen berkaitan perjanjian antara Sayid Hussin Aidid dengan Francis Light. Dokumen ini telah dikaji dengan lebih mendalam dalam karya beliau bertajuk “Pulo Ka Satu” (Jelani, 2014) dan beliau juga pernah membincangkan tentang kandungan sepucuk warkah daripada Sultan Perak kepada Francis Light (Jelani, 2011).

Kajian yang mendalam berkaitan dengan kandungan warkah Sultan Ibrahim, iaitu Sultan Selangor yang kedua amat sukar untuk ditemui. Hanya terdapat beberapa penerbitan yang telah menerbitkan transliterasi warkah Sultan Ibrahim. Antara penerbitan termasuk Marsden (1812b) yang telah menerbitkan transliterasi dua pucuk warkah Sultan Ibrahim.<sup>3</sup> Gallop (1994) dalam bukunya berkaitan 100 pucuk warkah Melayu telah menerbitkan transliterasi sepucuk warkah Sultan Ibrahim berkaitan urusan menunaikan haji.<sup>4</sup> Setakat ini, belum ada lagi kajian yang menyeluruh telah dilakukan terhadap semua warkah Sultan Ibrahim dalam koleksi *The Light Letters*. Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenal pasti dan mengkaji isi kandungan kesemua warkah kiriman Sultan Ibrahim dalam koleksi “Surat-surat Francis Light” dengan nombor rujukan MS 40320.

## **LATAR BELAKANG SULTAN IBRAHIM**

Sultan Ibrahim merupakan anakanda sulung kepada sultan Selangor yang pertama, iaitu Sultan Salehuddin ibn Yamtuan Muda Daeng Celak. Baginda mula memerintah Selangor selepas kemangkatan ayahandanya pada tahun 1782 sehinggalah baginda

mangkat pada tahun 1826. Pemerintahannya selama 54 tahun telah berjaya mengukuhkan kedudukan Selangor terutamanya ketika berhadapan dengan ancaman daripada Belanda antara tahun 1784 sehingga 1785 dan kerajaan Siam pada penghujung pemerintahannya. Baginda pernah cuba menjalinkan hubungan diplomatik dengan Inggeris<sup>5</sup> dan mempunyai hubungan yang baik dengan kerajaan Aceh sehinggalah baginda menghantar Raja Muda Selangor, iaitu Raja Nala bersama-sama 16 buah kapal dan 80 orang tentera untuk membantu Aceh dalam peperangan (Gullick, 2004). Pada zaman pemerintahannya, Selangor terkenal sebagai pengeluar bijih timah, terutamanya dari Sungai Kelang dan Lukut. Selepas kemangkatannya pada tahun 1826, Selangor diperintah oleh anakandanya, iaitu Sultan Muhammad Shah ibn al-Marhum Sultan Ibrahim.

## **PENENTUAN TARIKH WARKAH**


Bahagian penutup warkah merupakan bahagian yang kebiasaannya mengandungi tarikh sesuatu warkah disiapkan. Bahkan, penutup warkah juga turut mengandungi maklumat penting yang lain seperti tempat, masa dan nama jurutulis. Penutup warkah Sultan Ibrahim biasanya akan dimulakan dengan frasa seperti “tamat al-kalam”, “intaha al-kalam”, “tersurat kepada” dan “pergi surat”. Sebahagian besar tarikh warkah Sultan Ibrahim dapat dikesan berdasarkan tarikh hijrah yang telah ditulis pada bahagian penutup oleh penulis warkah. Terdapat juga beberapa pucuk warkah yang tertulis catatan tarikh Masihi pada bahagian belakangnya. Kemungkinan tarikh Masihi ini dicatatkan oleh jurutulis Francis Light ketika menerima warkah tersebut.

Dalam koleksi “Surat-surat Francis Light”, terdapat 47 pucuk warkah kiriman Sultan Ibrahim yang telah ditemui dalam pelbagai jilid.<sup>6</sup> Walau bagaimanapun, tidak semua warkah ini ditujukan kepada Francis Light. Terdapat juga warkah yang dikirimkan kepada Sultan Kedah, iaitu Sultan Abdullah Mukarram Syah,<sup>7</sup> Gabenor-Jeneral Inggeris di Benggala, iaitu John Macpherson,<sup>8</sup> Kapten Thomas Forrest,<sup>9</sup> Kapten James Scott<sup>10</sup> dan Nakhoda Sembawa.<sup>11</sup> Warkah yang dikirimkan kepada Sultan Abdullah Mukarram Syah, iaitu Sultan Kedah, merupakan salinan daripada warkah asal kepada Sultan Kedah. Bilangan warkah yang dikirimkan kepada Francis Light merupakan bilangan terbesar, iaitu sebanyak 42 pucuk.

Daripada sejumlah 47 pucuk warkah Sultan Ibrahim, hanya 33 pucuk warkah sahaja yang berjaya dikesan tarikhnya berdasarkan maklumat yang ditulis pada bahagian penutup warkah ataupun catatan di belakang warkah. Terdapat warkah yang hanya mencatatkan haribulan dan bulan tanpa menulis sebarang tahun.

Berdasarkan Rajah 1, tahun 1786, 1787 dan 1788 merupakan antara tahun yang mempunyai kekerapan kiriman warkah yang tinggi daripada Sultan Ibrahim. Kekerapan kiriman warkah kepada Francis Light pada tempoh masa tersebut menunjukkan hubungan yang rapat antara mereka berdua. Baginda amat berharap untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan Inggeris demi melindungi Selangor daripada ancaman Belanda yang berpusat di Melaka. Tambahan pula, Sultan Ibrahim baru sahaja merampas semula Bukit Selangor daripada Belanda pada tahun 1785. Kedudukan pertahanan dan politik Selangor masih belum stabil, dan bantuan daripada Inggeris amat diharapkan bagi mengimbangi penguasaan Belanda di Selangor. Bermula tahun 1789, warkah yang dikirimkan kepada Francis Light semakin berkurangan kerana hubungan diplomatik antara Selangor dengan Belanda yang semakin baik, Selangor juga dikawal melalui perjanjian dengan Belanda untuk tidak mengadakan hubungan politik dengan kuasa Eropah yang lain.

Kesemua tarikh warkah telah ditulis dengan perkataan melainkan penulisan tahun hijrah yang menggunakan aksara Jawi. Di samping penggunaan perkataan “puluh”, perkataan “likur” turut digunakan bagi nombor yang lebih daripada 20, seperti “dua likur haribulan Ramadan” yang bermaksud 22 haribulan Ramadan. Bulan Zulhijah juga ditulis sebagai bulan Haji. Selain maklumat berkaitan tarikh dan masa, penutup



**Rajah 1** Graf bilangan warkah mengikut tahun.


warkah juga mencatatkan tempat warkah ditulis, iaitu di Bukit Selangor, nama lama bagi Bukit Melawati. Masa penulisan warkah turut dicatatkan dalam sebahagian warkah seperti waktu duha, zohor, pukul 8 pagi, pukul 10 pagi, pukul 2 petang, pukul 3 petang, pukul 4 petang dan pukul 7 malam.

Selain itu, terdapat empat pucuk warkah yang menggunakan huruf-huruf jawi sebagai penutup warkah. Sekiranya huruf-huruf jawi itu disambungkan akan membawa maksud “Ma’ruf” (MS 40320/1, f.26), “Ma’ruf al-Kakhi” (MS 40320/11, f.36), “al-Ma’ruf al-Karkhi” (MS 40320/11, f.56) dan “Qitmir” (MS 40320/4, f.48). Perkataan ini merupakan azimat yang dapat ditemui dalam cap mohor beberapa kesultanan Melayu dan dikatakan berasal daripada Sulawesi selatan (Gallop, 2010). Ma’ruf al-Karkhi merujuk kepada seorang ahli tasawuf yang berasal dari Baghdad dan meninggal dunia di sana pada tahun 200 hijrah, iaitu sekitar tahun 815 masihi. Nama penuh beliau ialah Ma’ruf bin Fairuz dan juga dikenali sebagai Abu Mahfuz. Dalam kalangan tokoh sufi, beliau telah diletakkan sebaris dengan tokoh sufi utama seperti al-Fudail bin ‘Iyad, Zu al-Nun al-Misri, Ibrahim bin Adham dan Abu Yazid al-Bistami (Muhammad bin al-Husayn al-Sulami, 2003). Qitmir pula merujuk nama anjing yang dimiliki oleh penghuni gua, iaitu “*Ashab al-Kahfi*” seperti yang telah diabadikan kisahnya dalam *Surah al-Kahfi* (al-Qurtubi, 1993). Penggunaan nama-nama ini sebagai penutup warkah atas kepercayaan bahawa warkah-warkah ini akan selamat sampai kepada penerimanya dengan berkat nama-nama tersebut (Gallop, 2010).

Berdasarkan susunan nombor jilid, ternyata warkah-warkah ini tidak disusun dalam satu jilid dan tidak mengikut tarikh warkah itu disiapkan. Susunannya bercampur aduk, dan menjadi cabaran besar kepada pengkaji untuk mengesan warkah-warkah ini kerana koleksi warkah Francis Light masih tidak memiliki katalog khusus.

## CAP MOHOR SULTAN IBRAHIM

Cap mohor merupakan antara lambang kebesaran bagi Sultan-sultan di Alam Melayu. Cap mohor amat penting bagi membuktikan kesahihan identiti pengirim warkah tersebut. Namun demikian, daripada 47 pucuk warkah Sultan Ibrahim, terdapat empat pucuk warkah yang tidak memiliki cap mohor baginda. Terdapat sepucuk warkah yang merupakan salinan warkah baginda kepada Sultan Kedah.<sup>12</sup> Warkah ini sememangnya tidak mengandungi cap mohor. Warkah yang asal sahaja memiliki cap mohor. Sepucuk warkah lagi merupakan pesanan baginda untuk membeli barang-barang yang ditujukan kepada Nakhoda Sembawa. Sementara dua pucuk warkah



**Rajah 2** Graf Jenis-jenis cap dalam warkah Sultan Ibrahim.

(Sumber: MS 40320 koleksi “Surat-surat Light”, SOAS).

lagi ditujukan kepada Francis Light. Baki warkah yang mengandungi cap sebanyak 43 pucuk warkah. Kesemua cap ini telah diletakkan di ruang kosong sebelah kanan mukadimah ataupun di ruang sebelah kanan atas mukadimah warkah.

Berdasarkan graf pada Rajah 2, didapati kebanyakan warkah daripada Sultan Ibrahim menggunakan cap yang tertulis “Raja Selangor Badaruddin” berbanding dengan cap “Sultan Ibrahim”. Kesemua cap tersebut menggunakan warna hitam, kecuali sepucuk warkah yang menggunakan cap mohor Raja Selangor Badaruddin berwarna merah yang dicap di belakang warkah selepas ia dilipat.<sup>13</sup> Ternyata bahawa cap berwarna hitam digunakan hanya pada bahagian hadapan warkah sementara cap berwarna merah digunakan sebagai cap lilin kepada lipatan warkah untuk memastikan warkah tidak dibuka melainkan oleh penerimanya sahaja.

Terdapat dua jenis cap Sultan Ibrahim yang ditemui dalam koleksi ini. Cap jenis yang pertama ialah cap yang mengandungi nama Sultan Ibrahim yang diukir di dalamnya. Terdapat tujuh pucuk warkah Sultan Ibrahim yang menggunakan cap ini. Terdapat juga potongan ayat al-Quran yang tertulis dalam bentuk bulatan besar mengelilingi cap ini.<sup>14</sup> Di tengah-tengah cap ini terukir lima baris tulisan yang menggunakan huruf jawi, iaitu: *al-Mutawakkil bi al-Malik al-Haqq al-Mubin al-Sultan Ibrahim Huwa Ajdar al-Muwarithin ibn al-Marhum al-Sultan Salih al-Din sanah 1196*. Perkataan *Al-Mutawakkil* bermaksud seseorang yang bertawakal dan berserah diri kepada Tuhan. Sifat-sifat Tuhan ini dinyatakan dalam frasa berikutnya,



**Rajah 3** Cap mohor Sultan Ibrahim.

Sumber: MS 40320 Koleksi Surat-surat Light, SOAS

iaitu Tuhan yang bersifat “*bi al-Malik al-Haqq al-Mubin*”, iaitu nama-nama Allah yang bermaksud Allah yang Maha berkuasa memerintah, bersifat yang Maha benar dan sangat jelas kebenaran-Nya. Frasa *Ai-Sultan Ibrahim Huwa Ajar al-Muwarithin* pula bermaksud Sultan Ibrahim, dialah sultan yang paling layak mewarisi takhta, sementara *sanah* pula bermaksud tahun (Ibn Manzur, 1990).

Daripada cap ini, didapati nama Sultan Ibrahim telah dicatatkan dengan jelas, begitu juga dengan nama ayahandanya, iaitu Sultan Salahuddin. Terdapat tahun yang dicatatkan pada cap ini dan bersamaan dengan tahun permulaan pemerintahan Sultan Ibrahim, iaitu pada tahun 1196 hijrah bersamaan tahun 1782 masihi.

Di sekeliling cap mohor ini juga terdapat ayat al-Quran yang tertulis “*ati’u Allah wa ati’u al-rasul wa uli al-amri minkum*”<sup>15</sup> serta ayat “*lillah al-amr min qabl wa min ba’d*”.<sup>16</sup> Berdasarkan cap mohor itu, ayat al-Quran yang terdapat dalamnya ialah daripada *Surah al-Nisa’*, ayat 59 yang bermaksud “Taatlh kamu kepada Allah dan taatlh kamu kepada Rasul dan kepada “*Ulil-amri*” (orang-orang yang berkuasa) daripada kalangan kamu”.<sup>17</sup>

Secara umumnya, pernyataan pada cap mohor adalah berkait tentang konsep ketaatan kepada Allah, Rasulullah dan pemimpin. Terdapat perbezaan antara konsep ketaatan kepada Allah, Rasulullah dan ketaatan kepada “*ulil amri*” ataupun pemimpin. Berdasarkan pendapat Ibn Kathir,<sup>18</sup> konsep ketaatan secara mutlak hanya wujud untuk Allah dan juga kepada Rasul kerana terdapatnya kalimah “*ati’u*”



sebelum kalimah “Allah” dan “al-rasul” yang bermaksud “taatlah kamu”. Ketaatan kepada pemerintah pula adalah secara bersyarat, iaitu ketaatan hanya boleh diberikan kepada pemerintah selagi arahan mereka adalah untuk mentaati perintah Allah dan rasul. Sebaliknya, arahan mereka tidak perlu dipatuhi apabila melibatkan perkara yang membawa kepada perlakuan maksiat kepada Allah (Ibn Kathir, 2001).

Satu lagi ayat al-Quran yang terdapat pada cap mohor yang sama ialah daripada *Surah al-Rum*, ayat 4, yang bermaksud “kepada pentadbiran Allah jua terpulung segala urusan, sebelum berlakunya dan sesudah berlakunya”<sup>19</sup>. Ayat ini berkaitan dengan siri peperangan antara tentera Rom yang berpusat di Byzantine dengan tentera Parsi yang berpusat di Iran sekitar tahun 602 hingga 628 masihi. Dalam tempoh tersebut, tentera Rom telah mengalami kekalahan oleh tentera Parsi. Al-Quran telah memberitahu bahawa tentera Rom akan menang terhadap tentera Parsi pada masa akan datang dan hal ini benar-benar berlaku. Heraklius telah memimpin tentera Rom dan akhirnya berjaya menewaskan tentera Parsi (Irfan Shahid, 1972). Menurut pendapat al-Qurtubi,<sup>20</sup> dalam ayat ini, terdapat penegasan sifat kudrat Allah terhadap sesuatu yang telah berlaku ataupun akan berlaku, bahawa segala-galanya datang daripada kehendak dan kekuasaan Allah (al-Qurtubi, 1993). Ayat al-Quran ini membuktikan bahawa hanya Allah satu-satunya pemilik kuasa yang mampu memenangkan dan mengalahkan mana-mana pemerintahan yang berada di dunia ini. Tidak ada pemerintahan yang mampu mengekalkan kekuasaan selama-lamanya.

Berdasarkan Jadual 1, semua warkah yang menggunakan cap mohor Sultan Ibrahim dikirimkan sekitar tahun 1785 sehinggalah 1787. Kesemuanya dikirimkan kepada Francis Light kecuali sepucuk warkah yang telah dikirimkan kepada Gabenor Jeneral *English East India Company* yang berpusat di Benggala.

**Jadual 1** Warkah yang menggunakan cap mohor Sultan Ibrahim.

Bil.	Jilid	Folio	Hari dan Tarikh Hijrah	Anggaran Tarikh Masihi	Penerima Surat
1	1	24	Isnin, 3 Syaaban 1201	21 Mei 1787	Francis Light
2	11	36	Jumaat, 15 Rabiul Awal 1201	5 Januari 1787	Francis Light
3	11	39	Isnin, 6 Jamadil Akhir 1200	3 April 1786	Francis Light
4	11	40	Rabu, 4 Safar 1200	7 Disember 1785	Gabenor Jeneral
5	11	43	Jumaat, 30 Syawal 1200	25 Ogos 1786	Francis Light
6	11	44	1 Safar 1201	22 November 1786	Francis Light
7	11	45	8 Zulhijah 1200	1 Oktober 1786	Francis Light

(Sumber: MS 40320 Koleksi Surat-surat Light, SOAS).



**Rajah 2** Cap mohor Raja Selangor Badruddin

*Sumber:* MS 40320 Koleksi Surat-surat Light, SOAS

Dalam cap mohor yang kedua, saiznya lebih kecil berbanding cap mohor pertama. Bentuknya membujur ke arah kiri dan kanan dan terdapat tulisan yang tertulis “*Raja Selangor Badr al-Din Sanah 1177*”. Terdapat empat titik yang terletak di atas huruf *sin*. Majoriti warkah Sultan Ibrahim, iaitu sebanyak 35 pucuk warkah, menggunakan cap mohor ini. Secara jelas, nama Sultan Ibrahim tidak terdapat pada cap mohor ini, tetapi tertulis nama Raja Selangor, iaitu “Badaruddin”. Tahun pemerintahannya pula dicatatkan pada 1177 Hijrah yang bersamaan dengan 1763 atau 1764 Masihi. Catatan ini menunjukkan seolah-olah cap mohor ini berusia lebih lama berbanding cap mohor yang pertama bertariikh 1196 Hijrah ataupun 1782 Masihi. Berdasarkan tahun yang tercatat pada cap mohor ini, iaitu 1763 atau 1764 Masihi, Raja Lumu merupakan pemerintah Selangor pada masa itu, tetapi belum ditabalkan sebagai Sultan Selangor oleh Sultan Mahmud dari Perak. Pertabalan Raja Lumu sebagai Sultan Selangor berlaku pada tahun 1766. Raja Lumu telah menggunakan nama Sultan Salahuddin selepas pertabalan tersebut (Khoo, 1985).

Terdapat kemungkinan bahawa nama “Badaruddin” bukanlah nama sebenar, tetapi merupakan “*laqab*” ataupun nama gelaran bagi seseorang, hasil daripada pengaruh kemasukan Islam ke Alam Melayu. Roff dalam kajiannya berkaitan nama orang-orang Melayu menggunakan istilah “*laqab al-din*” kerana perkataan “*Badr*” telah digabungkan dengan perkataan “*al-din*” (Roff, 2009). Terdapat kemungkinan nama sebenar Sultan Ibrahim sebelum menaiki takhta ialah “Badaruddin” (Gallop, 2018). Yang mengelirukan, sekiranya cap mohor ini milik Sultan Ibrahim, apakah yang dimaksudkan dengan tahun 1177 hijrah (1763/1764 Masihi)? Mengapakah

baginda masih menggunakannya sedangkan baginda sendiri memiliki cap mohor yang tertulis nama baginda sebagai Sultan Ibrahim? Oleh itu, kombinasi antara frasa “Raja Selangor”, “Badaruddin” dan tahun 1177 hijrah (1763/1764 Masihi) masih belum jelas perkaitannya kerana sekitar tahun 1763 dan 1764, Sultan Ibrahim belum lagi ditabalkan menjadi Raja Selangor. Setakat yang diketahui, nama “Badaruddin” tidak ditemui dalam mana-mana rekod berkaitan Sultan Ibrahim. Bahkan, Raja Selangor pada tahun 1763 atau 1764 ialah Raja Lumu yang pada ketika itu belum ditabalkan lagi oleh Sultan Perak sebagai Sultan Selangor.

Kesimpulannya, terdapat dua jenis cap mohor Sultan Ibrahim yang digunakan dalam warkah ini. Sebahagian besar warkah Sultan Ibrahim menggunakan cap mohor yang tertulis “*Raja Selangor Badr al-Din sanah 1177*”. Walau bagaimanapun, cap mohor ini memerlukan kajian yang lebih lanjut tentang perkaitannya dengan Sultan Ibrahim. Cap mohor yang tertulis nama Sultan Ibrahim lebih jelas merujuk kepada Sultan Ibrahim, namun hanya tujuh pucuk warkah baginda sahaja yang menggunakan cap mohor ini. Cap mohor ini amat unik kerana terdapat dua potong ayat al-Quran yang diukir mengelilinginya. Potongan ayat al-Quran pada cap mohor ini mencerminkan pengaruh Islam yang kuat terhadap kesultanan Selangor. Pemilihan ayat al-Quran tersebut amat bersesuaian dengan tema yang berkaitan dengan kekuasaan dan pemerintahan baginda.

## **KATA-KATA ALUAN WARKAH**

Dalam mukadimah warkah Sultan Ibrahim, didapati Sultan Ibrahim telah menggunakan beberapa gelaran untuk merujuk dirinya. Antaranya termasuklah Maulana Paduka Seri Sultan Ibrahim Khalifah al-Mukminin, Duli Yang Dipertuan Yang Maha Mulia, Duli Yang Dipertuan Selangor, Duli Yang Maha Mulia, Maulana Paduka Seri Sultan, Raja Selangor dan Sultan Ibrahim. Kesemua warkah baginda menggunakan istilah Selangor Darul Khusus.

Bagi gelaran penerima pula, baginda Sultan membahaskan Francis Light, James Scott, Thomas Forrest dan Gabenor-Jeneral di Benggala sebagai “sahabat kita”, sementara baginda sendiri menggunakan kata ganti diri “kita”. Dalam warkah baginda kepada Sultan Kedah, iaitu Sultan Abdullah, baginda telah membahaskan dirinya sebagai adinda dan Sultan Abdullah sebagai kekanda. Antara istilah pangkat kebesaran yang digunakan untuk Francis Light ialah Gobernador Mister Light, Kapitan Light, Gabenor, Gonador, Senyur Gabenor dan Senyur Gobernador. Sultan Ibrahim merujuk pangkat kebesaran Francis Light dengan pelbagai istilah yang sebenarnya merujuk makna yang sama, iaitu gabenor ataupun gurnador. Namun begitu, jawatan

yang digunakan dalam urusan rasmi *English East India Company* ketika pelantikan Francis Light sebagai wakil mereka di Pulau Pinang ialah “*Superintendent*” Pulau Pinang (Langdon, 2013).

## **KANDUNGAN WARKAH**

Kebanyakan warkah Sultan Ibrahim jumlah perkataannya antara 200 hingga 350. Warkah yang paling panjang dikirimkan kepada Sultan Kedah, iaitu Sultan Abdullah Mukarram Shah yang mengandungi 605 patah perkataan. Kandungan warkah Sultan Ibrahim secara tidak langsung telah memberikan petunjuk kepada peristiwa yang telah berlaku di Selangor antara tahun 1785 sehinggalah tahun 1794. Kandungan warkah ini dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian, iaitu aspek politik, ekonomi, persenjataan dan sosial seperti urusan menunaikan haji.

### **Aspek Politik**

Dari aspek politik, terdapat beberapa perkara yang dapat dilihat dalam warkah ini. Semasa fasa awal pemerintahan Sultan Ibrahim, Selangor sedang berhadapan dengan suasana politik yang tegang melibatkan hubungannya dengan kuasa penjajah Barat, iaitu Belanda. Tambahan pula, pada tahun 1784, Belanda yang berpusat di Melaka pernah dikepung dan diserang oleh angkatan tentera yang diketuai oleh Yamtuan Muda Johor, iaitu Raja Haji, bapa saudara kepada Sultan Ibrahim. Dalam serangan ini, Raja Haji turut menerima bantuan daripada Sultan Ibrahim dan angkatan perangnya dari Selangor. Serangan Bugis berjaya membuatkan Belanda hampir tewas, namun ketibaan bantuan enam buah kapal perang Belanda yang diketuai oleh Jacob Pieter van Braam bersama bersama 6000 orang tentera berjaya menyelamatkan Belanda daripada kekalahan (Andaya, 1979). Yamtuan Muda Johor, Raja Haji akhirnya telah mangkat di Teluk Ketapang pada bulan Jun 1784 (Raja Ali Haji, 1998). Selepas Belanda berjaya menamatkan serangan Bugis di Melaka, angkatan tentera Belanda terus menyerang kedudukan Bugis yang berada di Selangor dan Riau.

Dalam serangan di Bukit Selangor pada Ogos 1784, Sultan Ibrahim terpaksa berundur ke Pahang dan membolehkan Belanda membina kekuatannya di Selangor yang berpusat di kota Bukit Selangor. Kapten Van Braam pernah mengutus warkah kepada Sultan Alauddin di Perak dan memaklumkan tentang kejayaan serangan Belanda di Bukit Selangor dan menabalkan Sultan Muhammad Ali dari Siak sebagai pemerintah Selangor yang baru (Andaya, 1979). Sultan Ibrahim yang berdarah pejuang tidak pernah mengaku kalah. Pengundurannya ke Pahang telah memberikan

peluang kepada baginda untuk mengumpulkan semula kekuatan bagi melancarkan serangan balas dan merampas semula Selangor daripada penjajah Belanda. Pada bulan Julai 1785, baginda telah melancarkan serangan terhadap Belanda di Kuala Selangor. Setelah berjaya menghalau Belanda dari Selangor, baginda berusaha untuk mengukuhkan kedudukan pertahanannya di Selangor daripada serangan Belanda. Antara perkara yang dilakukan baginda bagi mengimbangi kuasa Belanda adalah dengan mengukuhkan hubungan antarabangsa dengan Kompeni Inggeris agar Belanda tidak boleh sewenang-wenangnya menyerang Selangor. Melalui Kapten Thomas Forrest, seorang pedagang Inggeris yang sering berulang alik dari Alam Melayu ke Benggala, Sultan Ibrahim telah berpesan untuk menyampaikan salam persahabatan kepada Gabenor-Jeneral Kompeni Inggeris yang berpusat di Benggala dan menawarkan hasil Selangor kepada mereka termasuklah timah, lada, lilin dan rotan (MS 40320/1, f.25).

**Jadual 2** Kandungan warkah berkaitan aspek politik.

Bil.	Jilid	Folio	Penerima Warkah	Aspek Politik
1	1	25	Thomas Forrest	Permintaan bendera Kompeni Inggeris daripada Gabenor Jeneral di Benggala
2	11	56	Francis Light	Permintaan bendera Kompeni Inggeris, bantuan untuk menyampaikan surat kepada Gabenor Jeneral di Benggala
3	11	40	Gabenor Jeneral <i>English East India Company</i>	Permintaan bendera Kompeni Inggeris sebagai tanda persahabatan
4	11	45	Francis Light	Permintaan bendera Kompeni Inggeris yang sudah ditunggu lebih setahun; tawaran kepada Francis Light untuk tinggal di Selangor
5	11	43	Francis Light	Selangor sudah berdamai dengan Belanda, baginda masih menunggu keputusan untuk bersahabat dengan Kompeni Inggeris
6	4	16	Francis Light	Isu kedatangan Arung Temujung ke Pulau Pinang
7	11	59	Francis Light	Sultan Selangor ingin bertemu Francis Light bagi mendapat pengesahan perjanjian yang telah dipersetujui
8	11	50	Francis Light	Maklumat berkaitan perancangan serangan terhadap Pulau Pinang oleh Sultan Kedah yang bersepakat dengan Belanda; Sultan Selangor hendak memohon bendera Belanda kerana Francis Light tidak mahu bersungguh-sungguh membantu Selangor.

Bil.	Jilid	Folio	Penerima Warkah	Aspek Politik
9	11	55	Francis Light	Sultan Selangor telah membuat perjanjian dengan Belanda dan baginda tidak boleh berniaga dengan orang Eropah melainkan dengan orang Belanda sahaja.
10	4	43	Francis Light	Belanda telah mengambil kici Keling di Selangor meskipun Inggeris telah memohon untuk mengambil kici tersebut.
11	11	41	Francis Light	Sultan Selangor tidak mahu masuk campur urusan di Aceh.
12	11	44	Francis Light	Maklumat menyatakan Francis Light hendak menyerang Perak dan Sultan Selangor tidak bersetuju dengan serangan tersebut.
13	11	45	Francis Light	Isu orang Selangor lari ke Kedah seramai 615 orang.

(Sumber: MS 40320 Koleksi Surat-surat Light, *SOAS*).

Berdasarkan jadual di atas, kebanyakan warkah yang berkaitan dengan aspek politik melibatkan perkara berkaitan hubungan Selangor dengan Kompeni Inggeris, Belanda, kesultanan Kedah, Perak dan Aceh. Inggeris mula memperluas kuasanya di Alam Melayu melalui pendudukan Francis Light di Pulau Pinang. Dalam warkah terawal yang dihantar oleh baginda kepada Francis Light pada bulan Julai 1785 (MS 40320/11, f.56), Sultan Ibrahim memaklumkan kepada Francis Light tentang janji daripada Kapten Thomas Forrest yang lalu untuk membantu mengadakan hubungan antara Selangor dengan British dan seterusnya mendapatkan bendera Kompeni Inggeris untuk dinaikkan di Selangor. Baginda sentiasa menunggungu penghantaran bendera ini sebagai lambang hubungan yang terjalin antara Selangor dengan Kompeni Inggeris. Urusan ini harus dipercepat kerana dipercayai bahawa baginda bimbang dengan serangan yang akan datang daripada Belanda kerana baginda baru sahaja menewaskan Belanda di Bukit Selangor. Baginda juga telah berusaha untuk menghubungi Gabenor-Jeneral di Benggala melalui perutusan warkah dan amat mengharap agar warkah itu dapat sampai ke Benggala dengan segera. Pada bulan Disember 1785, baginda sekali lagi mengutus warkah kepada Gabenor-Jeneral Inggeris di Benggala untuk mengadakan hubungan secara langsung dengan Kompeni Inggeris, dan meminta agar bendera Kompeni Inggeris dapat dinaikkan di Selangor dan mengulangi tawaran sebelum ini, iaitu seluruh hasil utama Selangor seperti timah, lada, lilin dan rotan akan dijual kepada Kompeni Inggeris (MS 40320/11, f.40 dan f.45).

Selain itu, antara usaha lain, Sultan Ibrahim juga telah meminta agar Francis Light datang mengadap baginda di Kuala Selangor pada bulan Julai ataupun Ogos 1785, sebaik sahaja Sultan Ibrahim berjaya menewaskan Belanda. Adalah dipercayai bahawa permintaan baginda ini berkaitan dengan perbincangannya untuk menjalinkan hubungan dengan Kompeni Hindia-Timur Inggeris bagi mendapatkan perlindungan terhadap negeri Selangor. Namun begitu, sehingga bulan Ogos 1786 (MS 40320/11, f.43), baginda telah memaklumkan kepada Francis Light bahawa baginda masih lagi menunggu janji Francis Light untuk datang mengadap baginda. Baginda mengingatkan bahawa baginda sudah menunggu selama 12 bulan untuk Francis Light datang mengadap, tetapi sehingga warkah ini ditulis (MS 40320/11, f.43), Francis Light masih lagi tidak pergi mengadap baginda di Kuala Selangor.

Sultan Ibrahim turut menggunakan kuasa ekonomi untuk menarik perhatian Francis Light. Selain menawarkan penjualan hasil mahsul utama negeri Selangor kepada Inggeris, baginda turut menawarkan jualan timah dengan harga yang murah, iaitu sebanyak 45 ringgit sebahara. Meskipun Francis Light ingin membayar harga timah dengan harga yang lebih tinggi, iaitu sebanyak 50 ringgit sebahara berdasarkan harga terbaru, baginda sultan tetap ingin menjualnya dengan harga 45 ringgit berdasarkan ketetapan harga yang lama. Tindakan ini sebagai bukti keikhlasan baginda ingin menjalinkan hubungan diplomatik dengan Francis Light seperti titah baginda “...*kerana sangatlah ikhlasnya hati kita kepada sahabat kita biar kasih kita bagai selamanya serta berpanjangan melainkan janganlah sahabat kita ubahkan harga timah itu sekarang...*” (MS 40320/4, f.38). Baginda juga berkongsi maklumat sulit dengan Francis Light berkaitan perancangan serangan dari Kedah dengan bantuan Belanda terhadap Pulau Pinang (MS 40320/11, f.50). Semuanya ini adalah untuk membuktikan keikhlasan baginda untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan Kompeni Inggeris.

Dalam satu peristiwa, Sultan Ibrahim pernah dituduh oleh Kapten Glass dengan tuduhan bahawa baginda telah menitahkan pahlawan Bugis, iaitu Arung Temujung untuk pergi ke Pulau Pinang. Sekiranya tuduhan ini benar, keadaan ini akan memburukkan imej baginda pada mata Francis Light, dan seterusnya menyukarkan peluang baginda untuk menjalinkan hubungan baik dengan Kompeni Inggeris di Pulau Pinang. Baginda telah menafikan tuduhan yang datang daripada Kapten Glass ini (MS 40320/4, f.16). Hal ini menunjukkan bahawa baginda tidak mahu dikaitkan dengan pemergian Arung Temujung ke Pulau Pinang. Pada masa itu, Arung Temujung merupakan pahlawan Bugis yang digeruni berasal dari kesultanan Bone. Dia telah datang ke Perak bermula pada 1777 dan telah berkahwin dengan anak Sultan Salahuddin, iaitu Raja Penuh pada tahun 1780. Oleh itu, Arung Temujung

juga merupakan ipar kepada Sultan Ibrahim. Arung Temujung turut membantu Raja Haji dalam serangan terhadap kubu Belanda di Melaka pada tahun 1784. Selepas kematian Raja Haji dalam peperangan tersebut, Arung Temujung telah berundur ke Perak dan mendapat perlindungan daripada Sultan Muda Perak (Andaya, 1979). Arung Temujung juga merupakan ketua pahlawan yang dihantar oleh Sultan Ibrahim ke Aceh ketika Raja Aceh meminta bantuan Selangor untuk melawan orang-orang Dusun di Aceh pada tahun 1795 (Buyong, 1971). Justeru, nama Arung Temujung masyhur dan digeruni oleh penjajah Belanda dan Inggeris. Kewujudannya di Selat Melaka sentiasa menjadi perhatian Inggeris dan Belanda.

Pada Oktober 1786, Sultan Ibrahim sekali lagi mendesak Francis Light agar mengadakan hubungan dengan Selangor, bahkan baginda turut menawarkan tempat sekiranya Francis Light ingin terus tinggal di Selangor seperti titah baginda “... *sahabat kita mahu duduk bersama2 dengan kita di dalam negeri Selangor pun kita lebih lagi suka...*” (MS 40320/11, f.45). Sekiranya Francis Light sukar untuk pergi ke Selangor, baginda sendiri sanggup turun ke Pulau Pinang untuk bertemu dengannya. Baginda bertitah “... *maka sangat kita hendak berjumpa dengan sahabat kita meskipun barang2 setengah jam pun sudahlah asalkan berjumpa mulut sama sahabat kita...*” (MS 40320/11, f.59). Namun demikian, sehingga warkah bertarikh Disember 1787, Sultan Ibrahim memaklumkan kepada Francis Light bahawa baginda sekarang ini sedang menjalinkan hubungan dengan Belanda kerana tiada tindak balas yang baik daripada Kompeni Inggeris terhadap permintaan baginda sebelum ini. Baginda menegaskan “... *sekarang ini kita mau pinta bendera kompeni Olanda ...*” (MS 40320/11, f.50). Akhirnya, Selangor telah pun menandatangani perjanjian dengan Belanda berdasarkan warkah Sultan Ibrahim pada bulan Ogos 1786 meskipun pada awalnya Sultan Ibrahim amat berharap dapat mengikat perjanjian dengan Kompeni Inggeris.

Belanda dan Inggeris sememangnya bersaing untuk menguasai pelabuhan utama yang terdapat di Selat Melaka. Tidak ada warkah Sultan Ibrahim yang menyatakan bahawa baginda pernah ke Pulau Pinang, tetapi terdapat warkah yang menyatakan bahawa baginda pernah turun ke Melaka yang merupakan pusat pemerintahan Belanda (MS 40320/1, f.26). Pemergian Raja Muda Selangor ke Pulau Pinang atas jemputan Francis Light telah menimbulkan rasa kurang senang kepada Belanda. Perkara ini telah dinyatakan oleh Sultan Ibrahim dalam warkahnya pada tahun 1788 kepada Francis Light. Oleh sebab perjanjian dengan Belanda, Selangor tidak dapat menjual hasil negerinya kepada bangsa Eropah yang lain kecuali kepada Belanda sahaja (MS 40320/11, f.55). Belanda pernah merampas sebuah kapal di Selangor ketika Kompeni Inggeris di Pulau Pinang turut menghantar tuntutan untuk menuntut



semula kapal yang sama. Akhirnya, Selangor terpaksa menyerahkan kapal itu kepada Belanda. Ketika baginda bertanya kepada Belanda tentang jawapan yang perlu diberikan kepada Inggeris yang turut menuntut kapal itu, Belanda memberitahu dengan angkuhnya “...*jikalau Inggeris mengendaki kapal Keling itu suruh ambil ke Melaka apa dia peduli sama kapal Keling itu...*” (MS 40320/4, f.43).

Kelewatan ataupun keengganan Francis Light untuk mengadap baginda bukanlah perkara yang menghairankan. Francis Light ketika itu masih berusaha untuk mendapatkan persetujuan Kompeni Inggeris terhadap penguasaannya atas Pulau Pinang dan pada masa yang sama perlu menimbangkan permintaan daripada Sultan Abdullah di Kedah terhadap syarat-syarat yang perlu dipenuhinya ketika menduduki Pulau Pinang. Kompeni Inggeris yang berpusat di Benggala masih lagi ragu-ragu dengan kemampuan Pulau Pinang untuk menjadi pelabuhan yang berdaya saing (Nordin, 2007). Oleh itu, dengan kedudukan Pulau Pinang yang masih belum begitu stabil, sukar bagi Francis Light untuk menjalinkan hubungan dengan Selangor yang pada masa itu sedang berhadapan dengan ancaman dan kepungan ekonomi daripada pihak Belanda. Kompeni Inggeris sudah pasti inginkan tempat perdagangan yang aman bagi memastikan perdagangannya di Pulau Pinang dapat menghasilkan keuntungan yang berganda. Kompeni Inggeris perlu mengelakkan sebarang peperangan dengan kuasa-kuasa besar di Selat Melaka termasuklah Belanda, Siam dan Burma. Kedudukan politik Kompeni Inggeris di Pulau Pinang perlu diperkukuh terlebih dahulu sebelum mereka meluaskan lagi pengaruh mereka di seluruh Alam Melayu terutamanya di sepanjang Selat Melaka.

### **Aspek Ekonomi**

Dari aspek ekonomi, warkah Sultan Ibrahim memaparkan beberapa hasil negeri Selangor yang menjadi perhatian Kompeni Inggeris. Barangan komoditi yang merupakan hasil keluaran Selangor dihantar ke Pulau Pinang agar boleh diniagakan dan mendapat untung.

Antara komoditi yang paling penting ialah timah. Harga timah telah ditetapkan sekitar 1 bahara yang dijual dengan bayaran sebanyak 48 ringgit kepada Francis Light (MS 40320/4, f.53). Walau pun harga timah telah naik sehingga 50 ringgit untuk 1 bahara, namun baginda tetap ingin menjual dengan harga yang murah kepada Francis Light, iaitu 45 ringgit untuk 1 bahara (MS 40320/4, f.38). Perkara ini terjadi kerana baginda ingin menarik perhatian Francis Light untuk berniaga di Selangor. Kebiasaannya, timah dikumpulkan terlebih dahulu di kuala sungai sebelum dihantar melalui kapal ke Pulau Pinang dalam jumlah yang banyak. Nakhoda Sembawa

pernah membawa timah seberat 14 bahara dan 58 kati atas perintah Sultan Ibrahim (MS 40320/4, f.43). Timah dari Selangor yang hendak dijual di Pulau Pinang mestilah mendapat cap keizinan daripada Sultan Ibrahim. Timah yang diseludup keluar dari Selangor hendaklah dirampas oleh Francis Light dan Francis Light tidak perlu membayar harga timah itu kepada baginda (MS 40320/11, f.51). Setiap kali timah ditimbang dan dibeli oleh Francis Light, bayarannya dibayar secara tunai. Namun begitu, baginda pernah mengadu kepada Francis Light betapa Kapten Glass telah menanggukhkan pembayaran dan akhirnya tidak membayar harga timah yang dibeli daripada baginda (MS 40320/4, f.52). Timah juga digunakan sebagai bayaran ketika pembelian senjata seperti meriam (MS 40320/11, f.43) dan untuk pembayaran hutang (MS 40320/11, f.44). Baginda juga pernah menjual timah kepada kapal yang datang dari Cina (MS 40320/11, f.50).

Selain itu, Sultan Ibrahim turut mengirinkan beberapa komoditi yang lain kepada Francis Light untuk dijual di Pulau Pinang termasuklah emas, garam, tembakau jawa, gambir dan sagu. Penghantaran melalui kapal di Selangor biasanya diketuai oleh Nakhoda Sembawa. Apabila kapal yang dihantar ke Pulau Pinang sudah selesai berjual beli, kebiasaannya kapal ini membawa pulang beberapa komoditi penting untuk keperluan dan jualan di Selangor. Antaranya termasuklah beras yang merupakan makanan asas orang tempatan. Meskipun Pulau Pinang tidak menghasilkan beras sebagai barang komoditi utama, tetapi Pulau Pinang merupakan pelabuhan tempat pedagang menjual beras yang datang dari Alam Melayu terutamanya dari Kedah. Sultan Ibrahim pernah meminta untuk dipenuhkan beras sehingga tiga buah perahu (MS 40320/11, f.36). Baginda pernah meminta Francis Light untuk menghantarnya sehingga sepuluh koyan beras (MS 40320/11, f.57). Harga beras ditetapkan pada harga 63 ringgit sekoyan.

Selain beras, Selangor turut membawa masuk beberapa komoditi dari pelabuhan Pulau Pinang yang datang dari India seperti permaidani dari Surat yang selebar hingga empat hasta, kain gajah khura, kain kamkari, kain asahan, kain sutera dan papan jati. Sultan Ibrahim turut meminta beberapa peralatan besi dari Pulau Pinang seperti gerudi, kikir besi, gergaji, pahat dan ketam. Tidak sekadar peralatan besi, baginda turut meminta beberapa orang tukang besi dan tukang kayu untuk dihantar ke Selangor (MS 40320/11, f.53).

Oleh sebab Kompeni Inggeris menguasai perdagangan opium, bahan ini turut diimport masuk ke Selangor oleh Sultan Ibrahim. Namun begitu, hal ini jarang-jarang disebut dalam warkah Sultan Ibrahim berbanding barangan komoditi yang lain. Pembelian opium ini juga pernah dibayar menggunakan timah (MS 40320/7, f.209).

### Aspek Persenjataan

Sebagai sebuah negeri yang pernah berperang dengan *Dutch East India Company*, Sultan Ibrahim sentiasa berusaha untuk mengukuhkan pertahanan Selangor selepas berjaya menewaskan Belanda di Bukit Selangor pada tahun 1785. Yang berikut ialah warkah yang mempunyai kaitan dengan persenjataan.

Dari sudut persenjataan, baginda telah memesan banyak senjata dari Pulau Pinang untuk memperkukuh pertahanan Selangor. Antara senjata yang pernah diminta termasuklah meriam sepanjang 3 hasta, meriam sepanjang 7 sehingga 8 hasta, meriam sepanjang dua depa, meriam tembaga ekor lotong, meriam besi, meriam penembak anggur, peluru meriam, bom, senapang buatan Kompeni Inggeris dan peluru senapang. Kepelbagaian jenis meriam ini menunjukkan bahawa Sultan Ibrahim sememangnya mahir dengan meriam yang digunakan untuk mengukuhkan pertahanan Selangor. Bilangan senapang yang diminta oleh baginda pula mencecah 300 laras senapang. Secara tidak langsung, pembelian senjata ini menunjukkan bahawa meriam dan

**Jadual 3** Kandungan warkah berkaitan aspek persenjataan.

Bil.	Jilid	Folio	Senjata
1	4	21	Meminta meriam besi atau meriam tembaga panjangnya 5 hasta
2	4	25	Meminta senapang 2 pasang
3	4	33	Meminta bom dan meriam
4	4	38	Meminta meriam tembaga ekor lontong 3 pasang
5	4	43	Meminta Meriam penembak anggur 2 pasang, bom 2 pasang
6	4	53	Meminta senapang dan bom
7	4	54	Meminta meriam 2 pasang 8 hasta
8	4	56	Senapang 30 pasang, kerpai
9	6	57	Meriam besar 2 pasang dan peluru
10	7	133	Bom 2 pasang dan peluru 12
11	11	36	Bom dua pasang, meriam penembak anggur 2 pasang
12	11	43	Senapang 60 laras, peluru senapang 3000
13	11	44	Meriam, senapang dan peluru senapang
14	11	45	Peluru meriam 100 biji, meriam besar 2 pasang, senapang 60 laras, peluru senapang 1000.
15	11	51	Senapang 4 laras
16	11	52	Meriam besar 2 depa sebanyak 2 pasang
17	11	54	Penabur senapang 30 kati
18	11	56	Meriam 7 hasta sebanyak 6 pasang, peluru meriam, senapang 200 laras.

(Sumber: MS 40320 Koleksi Surat-surat Light, SOAS).

senapang merupakan antara jenis senjata yang mudah diperolehi daripada Kompeni Inggeris.

### **Urusan Menunaikan Haji**

Menunaikan ibadat haji di Mekah merupakan rukun Islam yang kelima. Orang-orang Islam di Selangor tidak ketinggalan untuk berusaha menunaikan rukun ini. Namun begitu, masalah utama yang dihadapi pada masa itu ialah pengangkutan dan perjalanan yang mengambil masa yang panjang. Tambahan pula, perjalanan dengan kapal sudah pasti berhadapan dengan masalah cuaca yang tidak menentu dan ancaman kapal karam seperti yang menimpa Abdullah Munsyi dalam pelayarannya ke Mekah (Kassim, 1964). Pada zaman itu, tidak ada kapal penumpang khas yang digunakan untuk membawa orang-orang Islam menunaikan haji di Mekah, melainkan dengan menumpang kapal perdagangan. Kapal yang hendak ditumpang pula ialah kapal yang sedang dalam perjalanan ke India. Selepas tiba di pelabuhan India seperti di Benggala, Mumbai, Surati ataupun Kochin, jemaah haji menumpang pula kapal lain yang akan ke pelabuhan Jedah. Sekiranya orang Selangor tersebut sudah menunggu terlalu lama di Pulau Pinang tetapi masih lagi belum mendapat kapal untuk ditumpang, orang Selangor tersebut dipinta untuk pulang semula ke Selangor agar Sultan Ibrahim dapat menumpang mereka ini ke kapal lain yang berlayar ke Benggala yang datang dari negara China (MS 40320/3, f.72).

Berdasarkan warkah Sultan Ibrahim sehingga tahun 1794, bilangan orang daripada Selangor yang meminta untuk ditumpang ke Jedah bagi menunaikan haji sekitar 18 orang sahaja. Bagi memudahkan urusan bakal haji dari Selangor, Sultan Ibrahim meminta kepada Francis Light agar mereka diberikan surat sokongan supaya perjalanan mereka di pelabuhan India dan Jedah tidak menghadapi sebarang masalah (MS 40320/11, f.42). Surat sokongan daripada Kompeni Inggeris adalah penting agar perjalanan mereka menunaikan ibadah haji berjalan lancar terutamanya apabila mereka singgah di pelabuhan-pelabuhan yang mempunyai hubungan dagang yang baik dengan Kompeni Inggeris.

### **KESIMPULAN**

Sebahagian besar warkah ini memaparkan hubungan antara Sultan Selangor iaitu Sultan Ibrahim dengan Francis Light, seorang pedagang Inggeris yang dilantik sebagai gabenor Pulau Pinang oleh Kompeni Inggeris. Daripada 47 pucuk warkah, sebanyak 42 pucuk warkah telah diutus kepada Francis Light.

Warkah-warkah ini merupakan bahan sejarah yang penting untuk memahami suasana yang berlaku di Selangor semasa pemerintahan Sultan Ibrahim yang berpusat di Bukit Selangor bermula pada tahun 1785. Warkah ini merupakan bukti bertulis daripada baginda sendiri berkaitan isu politik dan hubungan dengan kuasa asing seperti Belanda dan Inggeris serta hubungan dengan kesultanan Melayu yang lain seperti Kedah, Perak dan Aceh. Warkah ini juga telah memaparkan sumber ekonomi Selangor pada masa itu yang amat bergantung pada pengeluaran bijih timah serta barangan komoditi yang lain seperti lada hitam, lilin dan rotan. Komoditi ini dibawa keluar oleh nakhoda yang telah dilantik oleh sultan untuk diniagakan di Pulau Pinang sebagai pelabuhan yang berada di bawah kekuasaan Kompeni Inggeris. Antara komoditi yang dibawa masuk ke Selangor dari Pulau Pinang ialah beras, perkakas besi, kain, permaidani dan opium. Sultan Ibrahim turut membeli senjata-senjata dari Kompeni Inggeris seperti meriam, senapang, serta peluru untuk memperkuat pertahanan Selangor. Selain itu, baginda juga meminta bantuan Francis Light untuk membantu rakyatnya bagi menunaikan haji di Mekah.

Pengaruh agama Islam dapat dilihat dengan jelas dalam warkah-warkah ini. Antaranya termasuklah maklumat tentang keperluan jemaah haji untuk menggunakan kapal serta pelabuhan yang menjadi tempat persinggahan yang menjadi bukti tentang hubungan yang sekian lama terjalin antara dunia Islam yang berpusat di Mekah dengan Alam Melayu. Tambahan pula, cap baginda sultan yang terukir ayat al-Quran, penggunaan bahasa Melayu bertulis Jawi dan penggunaan tarikh hijrah menggambarkan dengan jelas identiti Islam di Alam Melayu dalam surat-menyurat dengan Inggeris.

Sebagai penutup, tamadun Melayu telah mempamerkan seni persuratan dan nilai estetika yang tinggi untuk dihayati oleh generasi hari ini. Manuskrip Melayu termasuklah warkah-warkah dari sultan dan pemerintah merupakan sumber yang amat berharga sebagai sebahagian daripada identiti dan falsafah tamadun ini. Dunia penulisan dan kepengarangan Melayu telah pun mencapai tahap yang tinggi pada zaman itu. Oleh, diharapkan banyak lagi kajian berkaitan warkah dari kesultanan Selangor dapat diketengahkan kepada masyarakat agar bahan bertulis ini dapat membantu membina perspektif yang lebih menyeluruh terhadap hubungan institusi kesultanan Selangor dengan kuasa-kuasa penjajah dan seluruh institusi kesultanan di Alam Melayu secara umumnya.

## NOTA

- 1 Untuk katalog manuskrip ini, sila rujuk Ricklefs, Voorhoeve dan Gallop, 2014, p. 162.
- 2 Senarai keseluruhan koleksi manuskrip milik Marsden bukan sahaja mengandungi manuskrip Melayu, tetapi turut melangkaui pelbagai bahasa termasuklah bahasa Arab, Parsi, Cina, Bugis, Jawa, Tamil, Sanskrit dan Siam (Marsden, 1827).
- 3 Manuskrip bernombor MS 40320/11, f.40 dan MS 40320/11, f.41.
- 4 Manuskrip bernombor MS 40320/11, f.39.
- 5 Rujuk manuskrip bernombor MS 40320/1, f.25.
- 6 Warkah-warkah baginda boleh ditemui dalam jilid pertama, ketiga, keempat, kelima, keenam, ketujuh dan kesebelas.
- 7 Manuskrip bernombor MS 40320/11, f.117.
- 8 Manuskrip bernombor MS 40320/11 f.40.
- 9 Manuskrip bernombor MS 40320/1, f.25.
- 10 Manuskrip bernombor MS 40320/4, f.54.
- 11 Manuskrip bernombor MS 40320/7, f.133.
- 12 Manuskrip bernombor MS 40320/11, f.117.
- 13 Manuskrip bernombor MS 40320/3, f.72.
- 14 Selain daripada Sultan Ibrahim, Sultan Selangor yang memerintah selepasnya turut meletakkan ayat al-Quran dalam cap mohor rasmi mereka. Senarai cap mohor Sultan Selangor boleh dirujuk dalam tesis peringkat doktor falsafah oleh Annabel Teh Gallop (2002).
- 15 Surah al-Nisa': Ayat 59
- 16 Surah al-Rum: Ayat 4
- 17 Rujukan terjemahan daripada Abdullah Basmeih (1998).
- 18 Abu al-Fida' Ismail bin Umar bin Kathir, ulama tafsir al-Quran terkemuka kurun ke-14 yang berasal dari Syria.
- 19 Rujukan terjemahan daripada Abdullah Basmeih (1998).
- 20 Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad bin Abu Bakar, ulama tafsir al-Quran terkemuka kurun ke-13 yang berasal dari Cordova.

## RUJUKAN

- A. Samad Ahmad. (2010). *Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Razak Abdul Karim. (1996). Manuskrip surat-surat Francis Light: suatu analisis aspek kosa kata. *Jurnal Filologi Melayu*, 5, ms 1-24.
- Abdullah Basmeih. (1998). *Tafsir pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
- Ahmad Jelani Halimi. (2006). *Perdagangan dan perkapalan Melayu di Selat Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad. (1993). *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Beirut: Dar al-Fikr.

- WARCAH SULTAN IBRAHIM 1785-1794: CERMINAN POLITIK DAN EKONOMI SELANGOR PADA Hujung ABAD KE-18
- al-Sulami, Muhammad bin al-Husayn. (2003). *Tabaqat al-Sufiyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Andaya, Barbara Watson. (1978). The Indian Saudagar Raja (The King’s merchant) in traditional Malay Courts. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 51, 1 (233), 12–35.
- Andaya, Barbara Watson. (1979). *Perak, The abode of grace*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Gallop, Annabel Teh. (1994). *The legacy of the Malay letter*. London: British Library.
- Gallop, Annabel Teh. (2002). Malay seal inscriptions: A study in Islamic epigraphy from Southeast Asia. [Unpublished Ph.D. thesis]. School of Oriental and African Studies, University of London.
- Gallop, Annabel Teh. (2010). The amuletic cult of ma’ruf al-Karhi in the Malay world. Robert M. Kerr and Thomas Milo (eds.), *Writings and writing from another world and era: Investigations in Islamic text and script in honour of Dr Januarius Justus Witkam Professor of Codicology and Palaeography of the Islamic world at Leyden University*. Cambridge: Archetype Press..
- Gallop, Annabel Teh. (2018). What’s in a name? Malay seals as onomastic sources. *Malay Literature*, 31(1), 1–28.
- Gullick, J. M. (2004). *A history of Selangor 1766–1939*. Kuala Lumpur: Malaysia Branch of the Royal Asiatic Society.
- Haji Buyong Adil. (1971). *Sejarah Selangor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Kathir, Muhamad bin ‘Amru. (2001). *Tafsir al-Quran al-‘Azim*. Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukram. (1990). *Lisan al-‘Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Irfan Shahid (1972). The Iranian factor in Byzantium during the reign of Heraclius. *Dumbarton Oaks Papers*, 26, 293–320.
- Jelani Harun. (2008). Kajian naskhah undang-undang adat Melayu di London. *SARI*, 26, 127–148.
- Jelani Harun. (2011). *Umpama sebuah bahtera*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Jelani Harun. (2014). *Pulo Ka Satu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Jones, Russel. (1981). Two Malay letters written by Sutan Muhammad Jiwa Muazzam Syah of Kedah to Captain Francis Light. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 54[3 (241)], 24–34.
- Kassim Ahmad (ed.). (1964). *Kisah pelayaran Abdullah*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Khoo Kay Kim (1985). Raja Lumu / Sultan Salehuddin: The founding of the Selangor dynasty. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 58[2 (249)], 1–24.
- Kratz, E.U. (2006). Like a fish gasping for water: The letters of a temporary spouse from Bengkulu. *Indonesia and the Malay World*, 34(100), 247–280.
- Kratz, E.U. (1987). Some Malay letters on trade. *Indonesia Circle*, 44, 3–16.
- Langdon, Marcus. (2013). *Penang the fourth presidency of India*. Penang: Areca Books.

- Marsden, William. (1812a). *A dictionary of the Malayan language*, London: Cox and Baylis.
- Marsden, William. (1812b). *A grammar of the Malayan language with an introduction and praxis*. London: Cox and Baylis.
- Marsden, William. (1827). *A catalogue of books and manuscripts*. London: J. L. Cox.
- Marsden, William. (1838). *A brief memoir of the life and writings of the late William Marsden*. London: J. L. Cox and Sons.
- Nordin Hussin. (2007). *Trade and society in the Straits of Melaka*. Singapore: NUS Press.
- Raja Ali Haji. (1998). *Tufhat al-Nafis*. Hooker V. M. (ed.). Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ricklefs, M.C., Voorhoeve, P. dan Gallop A.T. (2014). *Indonesian manuscripts in Great Britain*. Jakarta: Perpustakaan Nasional Republik Indonesia.
- Roff, William. (2009). Onomastics, and taxonomies of belonging in the Malay Muslim world. *Studies on Islam and Society in Southeast Asia*. Singapore: NUS Press.
- SOAS MS 40320/1, f.24.
- SOAS MS 40320/1, f.25.
- SOAS MS 40320/1, f.26.
- SOAS MS 40320/1, f.29.
- SOAS MS 40320/3, f.60.
- SOAS MS 40320/3, f.72.
- SOAS MS 40320/4, f.16
- SOAS MS 40320/4, f.19.
- SOAS MS 40320/4, f.21.
- SOAS MS 40320/4, f.25.
- SOAS MS 40320/4, f.28.
- SOAS MS 40320/4, f.32.
- SOAS MS 40320/4, f.33.
- SOAS MS 40320/4, f.35.
- SOAS MS 40320/4, f.38.
- SOAS MS 40320/4, f.40.
- SOAS MS 40320/4, f.43.
- SOAS MS 40320/4, f.46.
- SOAS MS 40320/4, f.48.
- SOAS MS 40320/4, f.52.
- SOAS MS 40320/4, f.53.
- SOAS MS 40320/4, f.54.
- SOAS MS 40320/4, f.56.
- SOAS MS 40320/5, f.13.
- SOAS MS 40320/6, f.57.
- SOAS MS 40320/7, f.133.
- SOAS MS 40320/7, f.208.
- SOAS MS 40320/7, f.209.



SOAS MS 40320/11, f.36.  
SOAS MS 40320/11, f.37.  
SOAS MS 40320/11, f.39.  
SOAS MS 40320/11, f.40.  
SOAS MS 40320/11, f.41.  
SOAS MS 40320/11, f.42.  
SOAS MS 40320/11, f.43.  
SOAS MS 40320/11, f.44.  
SOAS MS 40320/11, f.45.  
SOAS MS 40320/11, f.50.  
SOAS MS 40320/11, f.51.  
SOAS MS 40320/11, f.52.  
SOAS MS 40320/11, f.53.  
SOAS MS 40320/11, f.54.  
SOAS MS 40320/11, f.55.  
SOAS MS 40320/11, f.56.  
SOAS MS 40320/11, f.57.  
SOAS MS 40320/11, f.58.  
SOAS MS 40320/11, f.59.  
SOAS MS 40320/11, f.117.

Diperoleh (*received*): 24 Oktober 2018

Diterima (*accepted*): 4 April 2019